

Jumaat, 17 Januari 2020 | 12:56pm

Miliki 1,300 pakaian tiruan, penuntut PhD warga Bangladesh didenda RM26,000

KUALA LUMPUR: Seorang lelaki warga Bangladesh yang sedang mengikuti pengajian peringkat ijazah doktor falsafah (PhD) didenda RM26,000 atau penjara enam bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, kerana memiliki 1,300 helai baju dan seluar tiruan jenama Adidas untuk tujuan perdagangan, Isnin lalu.

Hakim Manira Mohd Noor menjatuhkan hukuman itu ke atas Tauhiduzzaman MD, 31, selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan dibacakan jurubahasa dalam bahasa Inggeris.

Penuntut bidang pengurusan di sebuah universiti swasta tempatan itu didakwa mempunyai dalam kawalan bagi maksud perdagangan 1,300 helai baju dan seluar jenama Adidas bernilai RM10,400 yang suatu cap dagangan berdaftar dipakaikan dengan salah.

Dia dituduh melakukan perbuatan itu di Best Blessing Sdn Bhd, 15A, Jalan Merbau, di sini pada jam 4.30 petang, 13 Januari lalu mengikut Seksyen 102 (1) (c), Akta Cap Dagangan 2019 dan sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM10,000 bagi setiap barangan dipakaikan cap dagangan berdaftar dengan salah atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan kedua dan seterusnya, boleh didenda maksimum RM20,000 bagi setiap barangan dipakaikan cap dagangan berdaftar dengan salah, atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya.

Terdahulu, Tauhiduzzaman yang diwakili peguam Zulkifli Awang merayu hukuman denda paling minimum dengan alasan tertuduh menanggung isteri, anak berusia setahun dan ibu bapanya.

"Tertuduh daripada keluarga yang susah dan ini kesalahan pertamanya dan sudah insaf serta berjanji tidak mengulangi kesilapan sama," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya, Tan Chiew King memohon hukuman setimpal berbentuk pengajaran mengambil kira kepentingan awam.

"Ini supaya dapat memberi pengajaran kepada tertuduh dan mereka di luar sana, yang menjual barangan menggunakan cap dagangan palsu," katanya. – BERNAMA